

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Manusia sememangnya dikenali sebagai makhluk yang berkata-kata. Khalayak sarjana Ilmu Mantik menamakan manusia sebagai *Hayawan al-Natiq* yang membawa maksud manusia yang bertutur atau berkata, Ironinya kehebatan manusia berbanding dengan makhluk ciptaan lain terserlah kerana kemampuan manusia untuk bertutur dan berkomunikasi antara satu sama lain (Abd Latif: 2000: 23).

Kemampuan manusia untuk bertutur dan berkomunikasi mencetuskan bahasa yang pada hakikatnya ini adalah kehendak pencipta.

Bahasa Arab adalah salah satu manifestasi kewujudan bahasa di dunia ini, kedudukan bahasa Arab adalah sangat mulia di sisi umat Islam. Al-Quran yang merupakan sumber teragung telah menjadikan bahasa Arab sebagai medium wacananya.

Namun begitu, tanpa al-Quran, bahasa Arab telah pupus ditelan zaman atau pun setidak-tidaknya sudah hilang keasliannya akibat perubahan zaman dan masa ('Abd al-Tawwa:b : 1994 :34).

Dunia moden kini menyaksikan sejak tahun 1973, bahasa Arab telah diumumkan sebagai salah satu daripada enam bahasa antarabangsa yang rasmi di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*). Bahasa rasmi lain terdiri daripada bahasa

Inggeris, bahasa Perancis, bahasa Russia, bahasa Sepanyol dan bahasa Cina.

Justeru penggunaan bahasa Arab semakin meluas dan permintaan untuk mempelajarinya semakin meningkat. ('Abd Qadir : 1999:23).

Bahasa Arab terutamanya semakin luas digunakan di negara-negara Islam yang mana bahasa Arab bukan bahasa ibunda mereka. Malaysia sebagai salah sebuah negara Islam terulung di rantau Asia juga tidak ketinggalan dalam memberi fokus kepada pembelajaran bahasa Arab. Lantaran itu, pembelajaran bahasa Arab dapat dilihat begitu ketara di sekolah, kolej dan media perhubungan di Malaysia telah meningkat sejak tahun 1976. Hassan Basri (2005).

Seperti yang dimaklumi umum, al-Quran adalah asas utama dalam memahami ajaran Islam oleh kerana teks al-Quran adalah dalam bahasa Arab, maka fokus utama bagi kebanyakkannya orang Islam yang mempelajari bahasa Arab adalah untuk memahami al-Quran.

Namun sejak kebelakangan ini, bahasa Arab bukan sahaja dipelajari untuk tujuan keagamaan tetapi juga untuk tujuan komersial. Selepas peristiwa sebelas September 2004, Malaysia telah menjadi tumpuan pelancong-pelancong dari

negara-negara Arab. Di samping itu Malaysia juga menyaksikan peningkatan jumlah pelajar-pelajar Arab datang untuk belajar di Malaysia. Situasi ini juga membuka ruang kepada rakyat Malaysia memberi perhatian terhadap Bahasa Arab bagi tujuan perniagaan, pelancongan dan lain-lain.

Di bidang penyiaran pula, Radio IKIM.FM telah memperbanyakkan program-program bahasa Arab seperti segmen Jom Berbahasa, Dedikasi, segmen Satu Hari Satu Perkataan, Dunia Kanak-Kanak, berita yang disiarkan dalam bahasa Arab dan lain-lain secara tidak langsung telah memperhebatkan lagi promosi bahasa Arab di Malaysia.

Kewujudan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama atau ringkasnya SMKA yang menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa wajib kepada semua para pelajarnya telah merancakkan permintaan untuk mempelajari bahasa Arab. Pelajar-pelajar di SMKA akan mempelajari bahasa Arab bermula dari tingkatan satu sehingga ke tingkatan lima. Di sesetengah sekolah SMKA pula ada yang menawarkan bahasa Arab sehingga ke peringkat tingkatan enam. Menurut Adnan Yusuf (2005), permintaan untuk memasuki SMKA yang berjumlah 56 buah di seluruh Malaysia meningkat sebanyak 30 peratus saban tahun. Fenomena ini secara tidak langsung membuktikan minat para ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka bersekolah di SMKA yang menjadikan bahasa Arab sebagai teras dalam pengajian mereka .

Pada peringkat sekolah menengah harian pula, ada sekolah yang menjadikan bahasa Arab sebagai mata pelajaran elektif yang dikendalikan dalam kelas yang dikenali sebagai Kelas Aliran Agama (KAA). Para pelajar di kelas ini akan mengikuti pembelajaran bahasa Arab bermula dari tingkatan satu sehingga ke tingkatan tiga. Ada juga sekolah yang menawarkan sehingga ke peringkat tingkatan lima Adnan Yusuf (2005).

Kedapatan juga, sebahagian yang dahulunya dikenali sebagai Sekolah Agama Rakyat (SAR) telah melalui satu transformasi baru apabila Kerajaan Persekutuan telah mengambil alih dengan menjenamakan semula sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), juga menjadi pelangkap terkini kepada kewujudan sekolah agama di persada Malaysia.

Sesetengah kerajaan Negeri pula, menyelia sekolah yang dikenali Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) yang menjadikan sukanan pelajaran agama dan arabnya adalah bersumberkan sukanan pelajaran *Ma'ahad Bu'uth* Universiti al-Azhar.

Fenomena kewujudan SMKA, KAA, SABK dan SMAN jika diteliti telah menunjukkan peningkatan untuk mempelajari bahasa Arab dalam kalangan rakyat Malaysia semakin tinggi. Namun, tahap penggunaan bahasa Arab dalam kalangan

pelajar-pelajar SMKA, KAA dan SMAN secara khusus dan pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa ini secara umumnya, di semua peringkat adalah lemah, sama ada dari sudut tatabahasa, komunikasi, penguasaan frasa, struktur ayat, penggunaan gaya bahasa dan lain-lain. Ramai penyelidik yang membuat kajian di pelbagai peringkat pengajian mendapati bahawa tahap penguasaan bahasa Arab secara umumnya dalam semua komponen pengajiannya berada pada tahap lemah dan tidak menggalakkan.

Mengikut kajian yang telah dilakukan oleh Azhar B Muhammad (2003: 1-5), mendapati pelajar berminat dan bersedia untuk mendapat keputusan yang memberangsangkan dalam peperiksaan mata pelajaran bahasa Arab. Walaubagaimanapun, mereka didapati tidak mampu untuk berinteraksi dalam bahasa ini walaupun dalam komunikasi harian biasa yang menggunakan perkataan-perkataan yang mudah dan biasa didengari. Menurut beliau lagi, kelemahan pelajar ini juga dapat dikesan dari sudut kekurangan perbendaharaan kata penggunaan frasa sama ada ketika bercakap, membaca teks dan menulis.

Berdasarkan kepada pengalaman penulis sendiri sebagai guru bahasa Arab di SMKA dan pengalaman isteri penulis yang mengajar bahasa Arab di KAA mendapati antara kelemahan-kelemahan yang wujud dan paling ketara ialah dalam aspek penulisan. Dalam penulisan pula, antara aspek tatabahasa yang sering

menjadi masalah kepada pelajar ialah penggunaan partikel “al”, yang menjadi satu kemestian penggunaannya dalam pembikinan ayat dalam penulisan.

Penulisan harus menjadi salah satu agenda utama yang perlu diberi keutamaan dalam penguasaan bahasa Arab kerana ia akan menjadi tiket kepada pelajar untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Keputusan peperiksaan adalah sangat bergantung kepada jawapan dalam aspek penulisan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Partikel “al” ialah unit bahasa terkecil yang boleh mempengaruhi makna dalam konteks ayat bahasa Arab. Ia adalah partikel tambahan di awal sesuatu kata nama atau kata dasar atau kata sifat atau kata nama khas. (Mohd Rosdi: 2006).

Pada asasnya, fungsi nahan partikel ini menyamai artikel '*the*' dalam bahasa Inggeris ketika ditambah pada sesuatu perkataan daripada salah satu golongan kata di atas. Sebaliknya, jika perkataaan tersebut ditulis tanpa (al), ketiadaan partikel tersebut menyamai fungsi artikel '*a*' dalam bahasa Inggeris.

Melihat kepada fungsi nahan partikel “al” dan pengaruhnya dalam wacana bahasa Arab seperti yang dijelaskan tadi, penekanan yang serius perlu dalam proses pembelajaran kerana sebarang kesilapan akan membawa perubahan yang besar kepada struktur semantik ayat tersebut.

Kekeliruan tentang partikel sering berlaku dari aspek fonetik, morfologi, sintaksis, dan semantik. Bagaimanpun, dalam proses pengajaran terjemahan, pemahaman yang tepat tentang aplikasi partikel ini dari aspek morfologi dan sintaksis amat penting untuk diberi penekanan, kerana ia kerap melibatkan fungsi nahuhan yang mempengaruhi maksud sesebuah wacana. Dalam keadaan ini, penggunaan partikel “al” secara tepat amat diperlukan dalam menyampaikan makna yang tepat. Untuk memudahkan perbincangan, aspek-aspek kekeliruan tersebut akan dilihat dalam fonologi, morpologi, sintaksis dan semantik.

Berdasarkan aspek aspek yang telah dibentangkan tadi penulis dapati para pelajar masih tidak mampu mengatasi kekeliruan-kekeliruan yang timbul ini adalah kerana tajuk-tajuk dalam sukatana buku teks terkini tingkatan satu hingga ke tingkatan enam yang dikeluarkan oleh kementerian tidak menyentuh secara khusus kepentingan partikel “al” dalam penulisan dan pertuturan sememangnya tidak dapat dinafikan.

Justeru, penulis terpanggil untuk cuba memberikan sumbangan dalam usaha untuk mencari punca dan merungkaikan permasalah ini berdasarkan penyelidikan yang akan dijalankan.

1.2 Permasalahan Kajian

Kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar SMKA sama ada dalam aspek percakapan mahupun penulisan sememangnya tidak dapat dinafikan. Salah satu masalah besar yang dihadapi oleh pelajar dalam pertuturan atau penulisan ialah penggunaan partikel “al” secara tepat dengan kehendak konteks ayat pada sesuatu kata nama.

Fenomena ini boleh dilihat dalam skrip-skrip jawapan kertas bahasa Arab di peringkat SPM dan STPM. Sepanjang 10 tahun mengajar dalam mata pelajaran bahasa Arab di SMKASAS, Bota, Perak, penulis mendapati persoalan yang sama masih berulang. Ini bermakna tiada perubahan yang benar-benar berkesan kepada pelajar menerusi sistem atau kaedah pembelajaran bahasa Arab di peringkat menengah di Malaysia yang sedia ada.

Justeru, penulis merasa terpanggil untuk membuat kajian terhadap masalah ini. Fokus kajian ini adalah untuk melihat aspek pengaplikasian fungsi partikel “al” dalam wacana Arab kerana topik ini perlu diberi perhatian yang serius dalam proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua, terutamanya ketika menterjemah teks Melayu ke dalam bahasa Arab ataupun sebaliknya. Ramai kenalan seperguruan yang berpendapat mengatakan bahawa

aplikasi fungsi nahanan partikel ini dalam terjemahan teks Arab ke dalam bahasa Melayu adalah lebih mudah daripada sebaliknya. Namun berdasarkan pengalaman, penulis mendapati dalam proses pengajaran kemahiran menulis, masih ramai pelajar kita yang teragak-agak ketika melakukan aplikasi fungsi nahanan partikel “al” dalam penulisan mereka walaupun dalam terjemahan teks Arab ke bahasa Melayu Justeru kajian tentang partikel ini secara terperinci perlu dilakukan. Untuk mengenal pasti punca-punca kekeliruan yang berkaitan serta cuba memberikan penyelesaiannya.

1.3 Kajian Lampau

Aspek tatabahasa sememangnya menjadi fokus utama pengajian bahasa Arab di Malaysia sejak dahulu lagi. Pengajian bahasa Arab yang berorientasikan sistem pondok begitu menekankan kepada aspek ini. Mereka yang belajar di pondok-pondok akan menghafal *matan-matan*, *nahu* dan *sorf*. Kehebatan penguasaan bahasa Arab mereka diukur sejauh manakah kemampuan mereka menghafal *matan-matan* tersebut. Kini persepsi tersebut sudah sedikit berubah apabila sekolah-sekolah sudah mengambil alih orientasi pondok.

Tulisan-tulisan silam dan terkini banyak yang membicarakan aspek tatabahasa sama ada dalam tulisan berbahasa Arab atau pun tulisan dalam bahasa Melayu. Tetapi penulis mendapati perbincangan tajuk penguasaan partikel “al” secara terperinci serta melihat dari kaca mata kajian konstrastif adalah amat sedikit.

Hasil tinjauan penulis mendapati, tiada satu penulisan pun yang mempunyai kaitan secara langsung dengan tajuk kajian yang ingin dijalankan oleh penulis. Kebanyakan kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji adalah berkisar aspek tatabahasa yang umum, seperti perbandingan jumlah antara bahasa Arab dan Melayu, perbandingan ragam ayat dalam bahasa Arab dan Melayu dan lain-lain.

Penulis mendapati kajian-kajian yang menyentuh secara tidak langsung dengan tajuk partikel “al” adalah hasil tulisan Ali b In yang berjudul "Penggunaan *Isim Ma'rifat* di kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Agama : Satu Analisis Kesilapan". Kajian ini adalah disertasi yang dikemukakan kepada Universiti Malaya untuk memenuhi keperluan ijazah tinggi peringkat Sarjana pada tahun 2000.

Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti aspek kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar SMKA dalam tajuk *Isim Ma'rifat*. Kajian yang dilakukan ini adalah memfokuskan kepada analisis kesilapan dan bukannya kajian kontrastif.

Satu lagi kajian yang ditulis Zuraini bt Hamisan bertajuk "*Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* : Satu Kajian Kes" Adalah disertasi peringkat sarjana tahun 2001. Kajian ini lebih memfokuskan tentang penguasaan para pelajar dalam pembinaan ayat.

Kajian yang ditulis oleh Zainal Abidin b Ahmad yang bertajuk "Kemahiran menulis bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu: satu kajian kes " disertasi sarjana tahun 2003. Penulis kajian ini membincangkan aspek kemahiran penulisan dikalangan pelajar-pelajar Melayu. Kajian ini ada menyentuh aspek pemakaian partikel "al" tetapi beliau hanya membincangkan secara sepintas lalu sahaja .

Terdapat satu artikel yang ditulis oleh Mohd Rosdi Ismail (2006) bertajuk "Aplikasi Partikel "al" Dalam Proses Pengajaran Terjemahan " tulisan ini berkisar tentang analisis kontrastif bahasa Melayu dan Arab. Fokus tulisan ini adalah aspek perterjemahan.

Artikel ini akan menjadi sandaran penulis dalam kajian ini tetapi penulis akan memperincikan lagi dengan melihat aspek-aspek masalah dan penyelesaiannya di samping menyediakan rumusan dan cadangan untuk mengatasinya.

Demikianlah hasil tinjauan penulis terhadap kajian-kajian yang telah dibuat berkaitan tajuk aplikasi partikel "al" dalam wacana Arab.

1.4. OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian ini ialah:

1.4.1 Mengenal pasti jenis-jenis partikel dalam bahasa Arab.

1.4.2 Mengenal pasti jenis-jenis partikel “al” dalam bahasa Arab secara khusus.

1.4.3 Mengenal pasti fungsi makna yang dimainkan oleh partikel “al” dalam bahasa Arab.

1.4.4 Mengkaji tahap penguasaan pelajar terhadap fungsi-fungsi makna partikel “al”.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada objektif kajian yang dirangka, jawapan kepada persoalan-persoalan berikut akan dapat dikenal pasti:

- i) Apakah jenis-jenis partikel “al” dan fungsi maknanya dalam penggunaan bahasa Arab?
- ii) Sejauh manakah minat dan penguasaan pelajar dalam tajuk partikel, secara umum dan tajuk partikel “al” secara khusus?
- iii) Adakah pelajar mampu untuk membezakan fungsi-fungsi makna yang terdapat dalam partikel “al”?
- iv) Apakah punca dan penyelesaian terbaik terhadap masalah yang dihadapi?

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini amat penting kerana dapatannya akan menunjukkan sejauh manakah kemampuan pelajar dalam menguasai tajuk partikel “al” dalam bahasa Arab. Dapatan kajian ini akan memberi manfaat bagi semua pihak yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab khususnya aspek tatabahasa aplikasi partikel “al”,. Pihak-pihak yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

1.6.1 Penulis

Hasil kajian ini amat penting buat penulis kerana penulis merupakan seorang guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Arab. Dapatan dari data sekunder dijangka memantapkan lagi pengetahuan penulis. Ini akan membantu penulis untuk mengenal pasti keperluan dankekangan yang perlu dihadapi bagi menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Hasil dari dapatan data primer sama ada positif atau negatif merupakan pengalaman guru-guru dan pelajar bahasa Arab dan ianya amat berguna sebagai pedoman dalam perancangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ke arah yang lebih berkesan dan lebih cemerlang.

1.6.2 Guru Bahasa Arab

Kajian ini amat penting untuk guru-guru mata pelajaran bahasa Arab. Penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab akan dapat diukur dengan tepat dan jelas dengan

melihat sejauh manakah kemampuan pelajar menguasai partikel “al” khususnya dalam aspek penulisan.

Guru-guru dapat menilai semula keberkesan pengajaran mereka dengan melihat kemampuan penggunaan partikel “al” dalam penulisan pelajar mereka. Langkah seterusnya ialah mencari kekuatan dan kelemahan proses pengajaran yang dijalankan dan apa yang berkaitan dengannya untuk diperbaiki.

1.6.3 Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pelajaran Negeri

Hasil kajian ini akan dapat membantu pihak pengurusan atasan mata pelajaran bahasa Arab untuk menggunakan dapatan ini bagi membentuk strategi berkesan dalam meningkatkan tahap keupayaan pelajar menguasai tatabahasa Arab khususnya partikel “al”. Ini dapat dilakukan dengan mengadakan kursus-kursus dalam perkhidmatan bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam partikel “al”.

Dapatan ini juga dapat dijadikan pengukur untuk menilai sama ada objektif Sukatan Pelajaran Bahasa Arab dan pelaksanaannya tercapai atau tidak. Dapatan ini juga akan membantu pihak Kementerian dan Jabatan Pelajaran Negeri untuk menyediakan keperluan-keperluan yang diperlukan oleh pihak Sekolah sama ada berbentuk fizikal, bimbingan, motivasi dan sebagainya.

1.6.4 Pihak-Pihak Yang Berkepentingan

Menjadi rujukan kepada mana-mana pihak yang bertanggungjawab dan berkepentingan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sama ada dari sudut penambahbaikan kurikulum, buku-buku teks dan rujukan, bahan-bahan dan keperluan yang disediakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan khususnya dalam aspek tata bahasa dan aplikasi partikel “al”.

1.7 Definisi Tajuk

Tajuk kajian “**Penguasaan Partikel “al” Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu**” memerlukan sedikit penjelasan terhadap beberapa istilah yang digunakan agar dapat difahami secara langsung dan tidak menimbulkan sebarang kekeliruan. Antara istilah yang perlu dijelaskan ialah:

1.7.1 Penguasaan

Definisi Penguasaan sebagaimana yang dinyatakan Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2005:25) ialah suatu kegiatan atau proses untuk berkuasa dan mengawal. Contoh, proses mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris sehingga mahir, terlatih untuk mengerjakan sesuatu, cekap, lancar, pandai.

Memahiri dan melatih diri supaya mahir dalam sesuatu bidang dan sebagainya. Penguasaan bahasa bukan sekadar menguasai aspek linguistik sesebuah bahasa. Memahirkan melatih seseorang supaya cekap, mempelajari dengan sungguh-sungguh supaya mahir dan mampu berkomunikasi dengan baik.

Kamus Linguistik (1997:198) pula mendefinisikan pembelajaran yang berkaitan dengan bahasa (language mastering) sebagai proses menguasai bahasa ibunda atau bahasa asing.

Dengan itu bolehlah dikatakan bahawa penguasaan dalam konteks bahasa ialah satu proses dan usaha yang dilakukan oleh seseorang individu atau seseorang pelajar untuk menguasai satu bahasa sehingga ke tahap yang tinggi, baik dan kompeten.

1.7.2 Partikel

Partikel dapat didefinisikan sebagai sesuatu golongan kata yang hanya menunjukkan pada makna yang terdapat pada jenis kata selainnya dan tiada sebarang hubungan dengan masa.

Dalam definisi ini dapat diihat bahawa partikel berbeza dari kata nama (*al-ism*) dari aspek ia tidak menunjukkan makna pada dirinya. Manakala ia berbeza dari kata kerja (*al-fi'l*) dari aspek ketiadaan hubungannya dengan unsur masa.

Partikel juga berfungsi sebagai penyambung ayat antara makna nahuan am

(المَعَانِي النَّحْوِيَّةُ الْعَامَّةُ) dalam sesuatu ayat. (Mohd Rosdi: 2003)

Penyambungan adalah fungsi atau tugas utama partikel. Ciri ini merupakan asas utama kepada penggolongan kesemua jenis partikel seperti yang akan senaraikan.

Dalam konteks Bahasa Arab, Partikel merupakan golongan kata yang paling utama untuk menyampaikan fungsi makna penyambungan (perkaitan) antara bahagian-bahagian ayat.

1.7.3 Bahasa Arab

Bahasa ialah sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam satu kelompok manusia iaitu antara individu dengan individu yang lain dan sebagainya (Kamus Dewan: 2006: 106).

Menurut Bernard Cornie (1998:24) Bahasa Arab adalah satu-satunya bahasa Semit yang mempunyai penutur yang paling ramai dan satu-satunya bahasa utama di dunia Arab dan merupakan salah satu bahasa utama dunia.

Kajian tentang “Penguasaan Partikel “al” Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu”. Bermaksud satu proses kajian untuk melihat dan mengukur tahap penguasaan pelajar Melayu terhadap penguasaan mereka dalam partikel “al” yang terdapat dalam bahasa Arab.

1.8 Aplikasi partikel “al” dalam al-Quran

Penulis ingin mendatangkan contoh daripada al-Quran yang membuktikan bahawa partikel “al” mempunyai kepentingannya sendiri. Penggunaan al dalam al-Quran perlu diteliti dari sudut memberikan semantiknya kerana ia boleh menyebabkan berlakunya kesilapan dalam memahami maksud sesuatu ayat. Seperti pendapat yang mengatakan bahawa hukum potong tangan kepada pencuri hanya dikenakan kepada orang yang perbuatan mencuri itu sudah menjadi kebiasaan dan pekerjaan baginya dengan hujah bahawa al yang terdapat dalam ayat yang menyebut hukum tersebut, iaitu :

{السَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطُعُوا أَيْدِيهِمَا} 38 : المائدة

الْمَوْصُولَةُ أَلْ مَوْصُولَةٌ adalah daripada أَلْ النَّعْرِيفَةُ أَلْ sedangkan di sini sebenarnya ialah

Kalau dilihat dalam konteks Usul Fiqh dan Fiqh pula, didapati bahawa antara istinbat hukum ada yang berkaitan dengan nahu arab, dan ada antara hukum–hukum Fiqah yang ulama berbeza pendapat mengenainya hanya disebabkan perbezaan dalam memahami nahu bahasa Arab. Lantaran itu penguasaan partikel “al” tidak boleh dipandang remeh dan mudah dalam usaha untuk menguasai bahasa Arab yang baik (‘Abd al-Wahhab ‘Abd Salam dipetik dari Mat Taib Pa: 2006)

1.9 SKOP KAJIAN

Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada aspek aplikasi partikel “al” dalam wacana Arab di kalangan pelajar dalam penulisan mereka. Perbandingan dengan bahasa Melayu akan dibuat secara ringkas dengan mengambil kira kehendak kedua-dua bahasa tersebut. Aspek "fungsi nahuan" akan disentuh dari sudut kesan-kesan fonetik, sintaksis, morfologi dan semantik yang terhasil akibat perubahan–perubahan yang berlaku pada sesuatu bentuk pemakaian partikel “al” dalam sesuatu konteks ayat.

Soal selidik yang dirangka khusus akan dikemukakan kepada lima puluh orang pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sultan Azlan Shah Seri Iskandar sebagai responden kajian.

Kajian ini juga akan melihat aspek penguasaannya dalam penulisan berdasarkan skrip-skrip jawapan dan teks-teks terjemahan yang dihasilkan oleh pelajar dan proses ini akan dijalankan oleh penulis dengan mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh mereka dan mencadangkan kaedah serta pendekatan yang sesuai bagi merungkai masalah ini.

1.10. Lokasi Kajian

Kajian ini hanya akan dibataskan kepada Sek Men Keb Agama Sultan Azlan Shah, Bota Perak.

1.10.1. Sejarah SMKA

Pendahuluan

Penulis berpendapat para pembaca perlu didedahkan sedikit sebanyak tinjauan latar belakang SMKA kerana ini akan memberikan sedikit gambaran latar belakang kewujudan SMKA dan SMKA Sultan Azlan Shah adalah sebahagian daripada kelompok SMKA yang wujud di negara ini.

Sebut sahaja SMKA, rata-rata masyarakat Islam di Malaysia mengenali sebagai satu aliran pendidikan berlatarkan nilai agama Islam. Sorotan kepada sejarah

Melayu dan pengaruh Islam, maka rata-rata bersatuju bahawa pendidikan formal masyarakat melayu dimulai oleh Islam.

Kedatangan Islam. Agama yang berteraskan wahyu yang sarat dengan nilai, sekali gus membawa konsep pendidikan. Ia bermula dan berterusan jauh lebih lama daripada pendidikan yang dibawa oleh barat. Sejarah pendidikan bangsa Melayu pada peringkat awal sinonim dengan Islam perlu difahami secara mendalam bagi memahami konsep SMKA.

1.10.2 Perkembangan SMKA

Pada tahun 1977, 11 buah SA iaitu 7 SA negeri dan 5 SAR telah diserah dan diambil alih oleh kementerian pelajaran. Pada tahun 1978, dua lagi SAR diambil alih dan dua buah ditubuhkan di Sarawak dan di Sabah, yang pertama menggunakan bekas kem askar manakala yang kedua menggunakan bekas kediaman peningkalan UKM. Ia berkonsep harian dan separa asrama dan menghadapi berbagai kesulitan dan kerumitan. (Mohamad b Shafie: 2003: 54).

Idea menubuhkan lagi SMKA berasrama penuh seperti Kolej Islam Kelang (KIK) sekarang dikenali Kolej Islam Sultan Alam Shah dicetuskan pada 1981 dan SMAP Labu pada tahun 1982. Dalam pelbagai aspek, Sek Men Agama Wilayah Persekutuan (SMAWP), ia memberi pengertian yang lebih bergema dan bererti

kepada perkembangan SMKA seterusnya. Kejayaan mencapai 94% grade 1 dalam SPM tahun 1984 telah mengejutkan dan membuka mata masyarakat mengenai SMKA. Jika dulu hanya pelajar miskin dan kurang menyerlah sahaja memasuki SMKA, tetapi kini SMKA menjadi rebutan orang kaya dan pelajar cemerlang.

Objektif Pendidikan SMKA (Mohamad b Shafie:2003)

Makna dan tafsiran Falsafah Pendidikan Islam perlu diterjemah dan difahami dalam tindakan dan amalan

- i. SMKA sebagai instrumen penyelarasan dan pengawalan SAR kerana bantuan per kapita tidak mengembang secara berkesan kepada kemajuan SAR
- ii. Melahirkan bijak pandai muslim yang beriman dan bertakwa dalam semua bidang disiplin keilmuan.
- iii. Untuk membina satu sistem pendidikan seimbang sebagai alternatif kepada Dasar Pendidikan Negara.

Konsep SMKA Membangun Kurikulum

Sebagai sekolah contoh, maka ia perlu memenuhi aspirasi untuk penerusan perkembangan akademik dan lanjutan pembelajaran. Justeru, beberapa mata pelajaran baru diwujudkan:

- i. Tasawwur Islam
- ii. Pendidikan Islam Tinggi
- iii. Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah

- iv. Pendidikan Syariah al-Islamiyyah
- v. Bahasa Arab Tinggi
- vi. Bahasa Arab kertas 1 dan 2 untuk STPM
- vii. Usuluddin kertas 1 dan 2 untuk STPM
- viii. Syariah kertas 1 dan 2 untuk STPM

Manakala di peringkat asas sebagai persediaan dan pengukuhan kurikulum kebangsaan, bahasa Arab menjadi subjek pilihan diadakan di sekolah rendah, kemuncak kepada seluruh kurikulum ini ialah penyelarasan kurikulum bagi semua SAR dengan satu peperiksaan kebangsaan, iaitu STAM.

Mencari pendidikan Altenatif

Dasar Pendidikan Negara tekah berjaya memenuhi objektif yang digariskan oleh Tun Abdul Razak Husin telah berjaya mengeluarkan tenaga profesional bagi memenuhi keperluan ekonomi tetapi seperti yang ditegaskan oleh Tan Sri Wan Zahid, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia ketika itu;

“setelah hampir tiga dasawarsa terlaksananya Dasar Pendidikan Kebangsaan, sistem ini menyerlah keimbangan terhadap generasi yang dihasilkan oleh sistem pendidikan yang dibentuk selepas merdeka. Lantaran itu wujud apa yang dipanggil sebagai “ the knowledgeable barbarian “ atau “ skilled babarian” malangnya,

*dalam kebanggaan kita menghasilkan tenaga kerja yang profesional,
negara dilanda dengan pelbagai bentuk kemungkarang, keruntuhan
akhlak serta jenayah kolar putih yang kian bertambah dari tahun ke
tahun'*

(petikan dari kertas kerja Dr. Wan Zahid Nordin dalam seminar Eksekutif Penerapan Nilai-Nilai Islam Ke arah Wawasan 2020 di Institut Aminuddin Baki, anjuran Kementerian Pendidikan pada 30-31 Jan 1992).

Justeru Pendidikan SMKA ialah satu proses menterjemah dan mempraktikkan pendidikan bersepadu yang menyeluruh berteraskan iman.

Keperluan semakin mendesak dan SMKA terus bertambah. Yang lama dipertingkatkan dan yang baru dibina lagi . Hingga kini, bilangan SMKA adalah sebanyak 55 buah, tidak termasuk 11 buah yang telah diambil alih oleh Unit Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan dinamakan sebagai Sekolah Berasrama Penuh Integrasi.(SBPI).

1.10.3 SMKA Sultan Azlan Shah

1.10.3.1 Sejarah Sekolah

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sultan Azlan Shah (SMKASAS) atau dahulunya Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Perak (SMKAP) telah ditubuhkan pada 1 Januari 1984 yang juga merupakan SMKA yang pertama di negeri Perak ini. Pengambilan pelajar perintisnya dibuat pada 16 Januari 1984, iaitu seramai 106 orang pelajar terpilih dari seluruh Perak ditempatkan di Tingkatan Satu. Pada ketika itu, sekolah ini masih tidak mempunyai bangunannya sendiri dan hanya menumpang di bangunan Sekolah Menengah Gunung Rapat, Ipoh. Hanya terdapat dua blok asrama kepunyaan Sek. Men. Gunung Rapat yang dipinjamkan secara penuh untuk penginapan pelajar SMKAP.(al-Naqib 2009)

Pada tanggal 18 Disember 1987 ia dipindahkan ke bangunan baru di Seri Iskandar, Bota, Perak. Bilangan tenaga pengajar pada ketika itu adalah seramai 32 orang. Sekolah ini telah dirasmikan pada 16 Jun 1988 oleh DYMM Paduka Sultan Perak, Sultan Azlan Muhibuddin Shah Ibni Al Marhum Sultan Yusuf Izzuddin Shah. Selepas perasmian itu, nama sekolah daripada SMKA Perak telah ditukar kepada SMKA Sultan Azlan Shah bersempena dengan nama baginda.

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sultan Azlan Shah (SMKASAS) telah melalui banyak pengalaman yang manis dan membanggakan sepanjang 25 tahun

usianya. Pencapaian cemerlang di bidang kurikulum dan juga kokurikulum menjadikannya unggul di persada pendidikan negara.

Buktinya, pada tanggal 15 Mei 2009, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sultan Azlan Shah (SMKASAS) telah dianugerahkan penarafan Sekolah Kluster Kecemerlangan Akademik oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Penarafan ini amat membanggakan kerana usaha jitu yang berterusan oleh semua pihak telah membawa hasil.

Tiga hari kemudian, hari bersejarah sekolah sekali lagi menjelma di mana bertarikh 18 Mei 2009 bersamaan 23 Jamadil Awwal 1430H D.Y.M.M Paduka Seri Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah dan D.Y.M.M Raja Permaisuri Perak telah berkenan hadir ke Majlis Perasmian Sambutan Jubli Perak Dan Hari Anugerah Kecemerlangan SMKA Sultan Azlan Shah Seri Iskandar Sempena 25 Tahun pemerintahan baginda dan juga 25 tahun usia SMKASAS.

1.10.3.2 Logo SMKASAS



Warna Hijau

Melambangkan sekolah ini adalah berasaskan agama di samping pelajaran akademik yang lain.

Warna Kuning

Melambangkan sekolah ini tetap menghormati dan taat setia kepada Raja dan Negara serta sempena menggunakan nama Sultan yang memerintah negeri Perak Darul Ridzuan

Warna Putih

Melambangkan kesucian dan kemurnian jiwa hati pelajar-pelajarnya untuk menerima ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam.

Bunga Padi

Melambangkan kemakmuran dan ketenteraman.

Al-Quran

Melambangkan sumber ilmu dan menjadi panduan manusia dalam mencari kebahagian di dunia dan akhirat.

Tulisan Iqra'

Melambangkan kewajiban menuntut ilmu.

Tulisan Jawi

Berilmu , beramal dan bertaqwa merupakan moto utama penubuhan sekolah.

Rantaian SMKASAS

Melambangkan perpaduan dari kejayaan rukun iman.

Bentuk lencana

Ringkas dan bulat melambangkan kebulatan fikiran pelajar-pelajarnya untuk menuntut ilmu.

1.10.3.3 Visi

**MENJADIKAN SMKASAS SEBUAH INSTITUSI PENDIDIKAN YANG
GEMILANG DAN TERBILANG MENJELANG TAHUN 2010**

1.10.3.4 Misi

S SENTIASA BERILTIZAM MELAHIRKAN PELAJAR CEMERLANG

**M MENJADIKAN PELAJAR BERAKHLAK MULIA DAN BERHEMAH
TINGGI**

K KERJA SEPAKAT SENTIASA DIAMALKAN

A AKHLAK DAN SAHSIAH MULIA AGENDA UTAMA

S SEKOLAH BESTARI BERSAMA KOMUNITI

A AKADEMIK GEMILANG TERAJUI WAWASAN

S SEPAKAT MELAHIRKAN WARGA SEKOLAH

1.10.3.5 Falsafah

KESEJAHTERAAN INSAN SEJAGAT ADALAH BERASASKAN AJARAN AL -QURAN DAN AL SUNNAH YANG MELIPUTI SEMUA ASPEK KEHIDUPAN INSAN. PENDIDIKAN YANG BERSEPADU DAN SEIMBANG DAPAT MELAHIRKAN INSAN YANG BERPOTENSI SEBAGAI JURU BICARA UMMAH UNTUK KEBAHAGIAAN DI DUNIA DAN AKHIRAT.

1.11 Populasi Kajian

Seramai 50 orang pelajar menjadi sampel dalam kajian ini, yang terbatas kepada pelajar-pelajar tingkatan enam atas tanpa mengambil kira jantina mereka

Peringkat pembelajaran ini dianggap sebagai kemuncak pembelajaran tata bahasa yang ditempuhi oleh pelajar aliran Arab sebelum mereka melanjutkan ke institusi pengajian tinggi. Mereka mempunyai asas yang agak kukuh di samping pendedahan yang agak luas dalam bahasa Arab.

1.12 Rangka Kajian

Kajian tentang penguasaan partikel “al” dalam kalangan pelajar ini dibahagikan kepada enam bab. Perbahasan ini dimulakan dengan bab satu yang merupakan pengenalan kepada kajian ini. Bab ini dimulakan dengan pendahuluan yang

menjelaskan perkembangan dan keperluan semasa bahasa Arab, serta memperincikan latar belakang kajian dan permasalahan-permasalahan yang wujud sehingga mencetuskan sebab-sebab kepada pemilihan tajuk kajian. Bab ini juga membincangkan kepentingan kajian, objektif kajian, skop kajian, batasan kajian, definisi istilah kepada tajuk kajian dan rangka kajian.

Bab dua adalah merangkumi perbincangan tentang landasan teori, perbincangan akan bermula dengan sorotan penulisan tentang penggolongan kata antara linguis silam dan linguis moden, definisi partikel dan jenis-jenisnya, kemudian huraian diteruskan tentang partikel-partikel yang utama seperti partikel Jarr, partikel sendi, partikel nafi dan partikel soal. Seterusnya pengenalan tentang aspek perbezaan antara bahasa Arab dan bahasa Melayu juga akan disentuh yang akan melibatkan aspek utama perbezaan, ciri-ciri khusus bahasa Melayu, aspek fonetik, aspek morfologi, sintaksis dan kasus.

Bab tiga ini akan membincangkan secara terperinci tentang partikel “al” yang menjadi fokus kajian. Huraian dengan agak panjang lebar berserta contoh berkaitan jenis-jenis partikel “al” yang terdapat dalam bahasa Arab. Partikel yang utama kepada partikel “al” seperti partikel al-ma’rifat, partikel al-mausul, partikel al-za:idat disentuh dengan terperinci di samping menghuraikan juga cabang kepada setiap partikel yang utama ini. Setiap partikel akan dihurai beserta penerangan dan contoh. Jenis-jenis partikel yang disentuh seperti; partikel untuk

benda hadir, partikel untuk benda maklum, partikel untuk benda yang disebut, partikel jenis mutlak, partikel jenis anggapan, partikel jenis hakikat, partikel sifat pelaku, partikel sifat Objek, partikel sifat tabii, partikel tambahan kekal, partikel tambahan sengaja, partikel tambahan pilihan, partikel soalan dan partikel syarat.

Perbezaan antara *ma'rifat* dan *nakirat* juga akan disentuh dalam bab ini.

Aspek terakhir yang akan disentuh dalam bab ingin ialah aspek kekeliruan dalam aplikasi partikel “al”, dalam subtopik ini penulis akan membincangkan tentang elemen-elemen yang menyebabkan para pelajar khususnya pelajar Melayu menjadi keliru.

Bab keempat akan membincangkan tentang metodologi kajian dan perkara-perkara yang berkaitan dengan reka bentuk kajian ini dilaksanakan sama ada dalam bentuk soal selidik, analisis dokumen, ujian bertulis dan kajian perpustakaan. Turut dibincangkan di dalam bab ini ialah respondan kajian, lokasi, sampel, instrumen, ujian bertulis, kaedah pengumpulan data, penganalisisan data, Teori kajian kontrastif dan analisis juga akan disentuh yang akan melibatkan definisi kajian análisis dan kepentingan kajian analisis. Kesemua perbincangan tersebut akan menjadi sandaran dalam penulisan ini.

Kajian diteruskan dengan bab yang kelima yang akan menyentuh tentang analisis dapatan daripada soal kaji selidik yang telah dilaksanakan kepada responden yang mempelajari bahasa Arab di tingkatan enam SMKA Sultan Azlan Shah, Bota,

Perak. Aspek analisis yang akan disentuh termasuklah latar belakang respondan, sikap, minat dan motivasi mereka terhadap bahasa Arab. Di samping itu juga analisis terperinci bagi setiap jenis partikel besertakan komentarnya, bab ini juga akan menampilkan beberapa kaedah dan pendekatan yang akan digunakan dalam proses mengumpul data dan maklumat yang berkaitan.

Bab ini seterusnya akan merumus pernyataan masalah dan cadangan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam memahami dan menguasai fungsi partikel “al”. Cadangan dalam bab ini lebih berkait rapat dengan analisis kesalahan pelajar serta penyelesaiannya dalam aplikasi partikel “al”.

Kajian ini diakhiri dengan dengan bab yang keenam yang mengemukakan perbincangan dapatan kajian dan intipati daripada perbincangan dalam bab-bab terdahulu yang merangkumi rumusan dan cadangan hasil daripada kajian yang telah dijalankan serta menjadi penutur kepada kajian ini Bab ini juga akan menampilkan cadangan kepada permasalahan partikel “al” dalam kalangan pelajar Melayu.

1.13 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab permulaan ini membentangkan pengenalan terhadap latar belakang kajian yang memperlihatkan pembentukan perancangan dan rangka kajian yang akan dilaksanakan. Dalam perbincangan bab berikutnya, penulis akan membuat sorotan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan partikel bahasa Arab. Fokus perbincangan akan bermatlamatkan kepada persoalan kajian yang menjadi nadi utama kepada kajian ini.